

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/2018**

=====

**PENGUNAAN/PENGENAAN NOTIS AMARAN PENDUDUKAN SECARA TAK
SAH DI BAWAH SEKSYEN 425 KANUN TANAH NEGARA (KTN), 1965**

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) untuk menggunakan Notis Amaran ini kepada salahlaku pendudukan secara tidak sah di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN), 1965 di semua daerah dalam Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah adalah merupakan notis yang dikeluarkan oleh PTD kepada individu, syarikat atau sesiapa sahaja yang telah memasuki tanah kerajaan tanpa mendapat kebenaran PTD ataupun Kerajaan Negeri.
- 2.2 Sebelum Surat Arahan ini dikeluarkan, semakan Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) mendapati PTD di Selangor menggunakan format Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah yang berlainan bagi setiap daerah. Ini menyebabkan tiadanya keseragaman kepada notis tersebut.
- 2.3 PTGS telah merangka satu (1) format yang baru bagi Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah untuk digunakan oleh semua PTD di Negeri Selangor.
- 2.4 Format Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah yang baru ini juga telah disemak oleh Bahagian Perundangan PTGS bagi memastikan

kandungannya tidak mengelirukan orang awam dan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

3. KESALAHAN

- 3.1 Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN), 1965 menyatakan dengan jelas berkenaan kesalahan pendudukan secara tidak sah di atas Tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan.
- 3.2 Kesalahan yang diperuntukkan di dalam Seksyen ini adalah terhadap mana mana orang yang, tanpa kebenaran yang sah:
 - a) Menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan; atau
 - b) Membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau bahagian darinya; atau
 - c) Memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah sedemikian
- 3.3 Jika disabitkan kesalahan, penghuni/penduduk premis di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran yang sah boleh dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM 500,000), atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali.

4. TATACARA PERLAKSANAAN

- 4.1 Notis Amaran Pendudukan Secara Tak Sah yang dikeluarkan oleh semua PTD di Selangor hendaklah menggunakan format seperti di lampiran. Notis ini merupakan makluman awal kepada individu/pihak yang menduduki Tanah Kerajaan secara tak sah supaya mengosongkan Tanah Kerajaan tersebut.

5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Daerah diarahkan untuk menggunakan notis ini dan mematuhi arahan yang ditetapkan.



(DATO' HAJI ZUL-KEFLI @ ZULKEFLI BIN KHALID) D.P.M.S.,S.I.S

Pengarah Tanah Dan Galian
Selangor Darul Ehsan

Bertarikh : 3 Ogos 2018 .



PEJABAT DAERAH/TANAH

**NOTIS AMARAN PENDUDUKAN SECARA TAK SAH
DI BAWAH
SEKSYEN 425 KANUN TANAH NEGARA, 1965**

No. Fail	:	
No. Lot / PT	:	
Bandar / Pekan / Mukim	:	
Alamat Surat-Menyurat	:	
Penerima Notis	:	
No. Kad Pengenalan	:	
Jenis Kesalahan	:	

1. Dengan ini, Tuan/Puan telah didapati melakukan kesalahan selaras dengan kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara, 1965 ("KTN") dan boleh, jika disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun, atau kedua-duanya sekali.
2. Tuan/Puan dikehendaki untuk mengosongkan atau merobohkan struktur binaan di atas tanah ini di dalam tempoh **hari/bulan** dari tarikh notis ini dikeluarkan bagi mengelakkan Pentadbir Tanah mengambil tindakan ke atas Tuan/Puan di bawah seksyen 425 KTN.
3. Pentadir Tanah tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan harta benda milik Tuan/Puan di atas tindakan tersebut. Tiada sebarang tuntutan termasuk ganti rugi dan kos boleh dituntut dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan perampasan apa-apa benda yang dirampas selaras dengan seksyen 426D KTN.

.....
(NAMA PEGAWAI)

Jawatan Pegawai

b.p:

TARIKH :

.....
(TANDATANGAN PENERIMA)



Untuk maklumat lanjut : Pejabat
.....
No. Tel :